



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

PROGRAM MADANI RAKYAT (PMR) 2025 TERENGGANU MENDAPAT SAMBUTAN LUAR BIASA DARIPADA RAKYAT PANTAI TIMUR

KUALA TERENGGANU, 12 Julai 2025 – Edisi keempat Program MADANI Rakyat (PMR) 2025 yang berlangsung di Pasar Kedai Payang, Kuala Terengganu sejak 10 Julai telah melabuhkan tirainya hari ini dengan acara penutupan rasmi oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim. Turut hadir sama, YAB Menteri Besar Terengganu, Dato' Seri Ir. Dr. Ahmad Samsuri Mokhtar; YB Menteri Kerja Raya, Dato Sri Alexander Nanta Linggi dan YB Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Ahmad Maslan.

Program anjuran bersama Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU JPM), dengan sokongan Sekretariat Induk dari Unit Penyelarasan Lonjakan Prestasi (PACU JPM) ini menyaksikan kehadiran luar biasa lebih 70,000 pengunjung, melepasi sasaran awal 25,000 orang.

Dengan tema “Pembangunan MADANI, Rakyat Sejahtera”, PMR 2025 Terengganu menyerlahkan usaha Kerajaan MADANI membina asas kemajuan fizikal yang inklusif melalui jalan raya, jambatan dan kemudahan awam, di samping memperkukuh nilai insaniah yang menjadi asas dalam memperkasa Rakyat MADANI yang beretika, cakna dan bertanggungjawab terhadap pembangunan bersama.

Antara aktiviti utama sepanjang program termasuk pameran perkhidmatan agensi kerajaan Persekutuan dan Negeri, inisiatif kesejahteraan komuniti, jualan MADANI, kaunter trafik PDRM, pemeriksaan kesihatan, padanan pekerjaan, serta pertukaran topi keledar yang dibawa oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Pengisian program telah dirancang untuk memberi manfaat terus kepada rakyat Terengganu.

Majlis Perasmian Penutupan turut menyaksikan penyerahan Peranti MADANI (PERMAI) kepada 10 pelajar cemerlang dari Terengganu, mewakili 497 pelajar eKasih seluruh negara yang mencatat keputusan cemerlang dalam SPM dan STPM 2024. Masing-masing menerima komputer riba dan Sijil Amanah Hartanah Bumiputera (AHB) sebagai dorongan untuk terus maju sebagai generasi pelapis Rakyat MADANI.

Selain itu, kesemua pandangan dan maklum balas yang diterima sepanjang program ini amat berguna dalam menambah baik mutu penyampaian perkhidmatan kerajaan ke arah Malaysia progresif dan berpaksikan nilai MADANI. Penganjuran PMR 2025 Negeri Terengganu telah berjaya mencapai objektif serta merakyatkan program dan perkhidmatan kerajaan di akar umbi.

KKR selaku kementerian peneraju menzahirkan ucapan terima kasih kepada semua pihak merentasi kementerian/agensi persekutuan dan negeri, syarikat swasta, para usahawan dan khususnya warga Terengganu yang telah hadir menjayakan dan memeriahkan program ini.

#Tamat#

KEMENTERIAN KERJA RAYA
12 JULAI 2025

#PMR2025
#KearahKesejahteraanRakyat
#JasaKepadaRakyat
#MYJALAN
#Jalankitatanggunjawabkita
#KerajaanMADANI
#MADANIbekerja